

26 MAR 1996

Mahathir - Pelaburan

MAHATHIR GESA LEBIH BANYAK PELABURAN NEW ZEALAND DI MALAYSIA

Oleh: Ali Mamat

WELLINGTON, 26 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia dan New Zealand mempunyai potensi besar untuk meningkatkan pelaburan bersama terutama dalam bidang pemprosesan pembalakan dan makanan serta pelancongan.

Perdana Menteri, yang dalam lawatan empat hari ke negara kepulauan Pasifik Selatan, berkata syarikat-syarikat di New Zealand dan Malaysia boleh juga melihat kemungkinan menyertai rancangan usahasama di negara-negara ketiga seperti Vietnam, India, Kemboja dan China.

Beliau menjelaskan bahawa paras semasa pelaburan New Zealand di Malaysia adalah kecil jika dilihat kepada peluang-peluang yang boleh diperolehi di Malaysia.

"Oleh itu, lebih banyak usaha perlu dibuat oleh kedua-dua pihak bagi menggalakkan pelaburan," katanya pada jamuan tengah hari yang diberikan oleh rakan sejawatannya di New Zealand James Brendan Bolger di bangunan Parlimen di sini.

Pelaburan semasa New Zealand di Malaysia berjumlah 23 perojek dengan ekuiti kira-kira RM52 (AS\$20.8) juta dan jumlah cadangan pelaburan modal yang telah diluluskan kira-kira RM101.3 juta.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata penubuhan Majlis Perniagaan Malaysia-New Zealand di Kuala Lumpur dan Majlis Perniagaan New kerjasama perdagangan dan ekonomi yang lebih besar antara kedua-dua negara.

Beliau berkata Malaysia menghargai hubungan erat yang telah sedia terjalin oleh kedua-dua negara sebagai anggota Peraturan Pertahanan Lima Kuasa (FDPA) dan Komanwel kerana hubungan seumpama itu merapatkan lagi kedua-dua negara dalam mencapai matlamat bersama.

Perdana Menteri juga yakin perjanjian mengenai "Peraturan Percutian Bekerja" yang ditandatangani semasa lawatannya di sini akan membuahkan persefahaman dan kerjasama yang lebih baik antara rakyat kedua-dua negara.

Beliau berkata New Zealand adalah satu-satunya negara bagi Malaysia mempunyai jalinan peraturan seumpama itu dan beliau berharap ia akan dilaksanakan secepat mungkin.

Mengikut peraturan itu, rakyat kedua-dua negara boleh menikmati percutian yang dilanjutkan di negara satu sama lain ketika terikat dalam beberapa bentuk pekerjaan.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia menghargai sokongan dan kerjasama berterusan New Zealand dalam pelbagai program antara institusi pengajian tinggi kedua-dua negara termasuk program pendidikan kembar dan perguruan serta pertukaran lawatan dan penugasan pelajar serta ahli akademik.

Pada tahun 1994 sahaja terdapat 1,306 pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran dalam pelbagai kursus di New Zealand.

"Sebaliknya Malaysia juga berharap dapat melihat pelajar New Zealand mengambil peluang daripada kemudahan pendidikan yang terdapat di Malaysia," kata Dr Mahathir.

Mengenai arena antarabangsa, Perdana Menteri berkata beliau gembira melihat New Zealand semakin rapat kepada Asia dengan usaha memupukkan persefahaman dan hubungan untuk faedah bersama yang lebih baik dengan negara-negara berkenaan.

Beliau berkata, penubuhan yayasan "Asia 2000" dan "Kerusi Pengajian Melayu" Universiti Victoria di sini serta penubuhan Institut New Zealand Asia di Universiti Auckland adalah satu perkembangan positif.

Beliau berkata ekonomi Asia Tenggara, Asia Pasifik dan Asia yang

dinamik pada amnya menyediakan peluang yang lebih meluas kepada semua negara di rantau ini.

"Tetapi keadaan yang tidak menentu dan cabaran terus wujud dan kita terus menanggung akibat daripada keputusan yang dibuat di luar rantau kita," katanya dan menambah bahawa New Zealand sudah tentu boleh memainkan peranan membina untuk kepentingan keamanan, kestabilan dan perpaduan rantau ini.

Sementara itu, sebuah akhbar harian tempatan hari ini berkata layanan istimewa yang diberikan kepada Dr Mahathir semasa lawatan ini mencerminkan pentingnya beliau kepada politik Asia.

"Sambutan permaidani merah itu mencerminkan peranan utama Dr Mahathir di rantau ini serta pentingnya Malaysia sebagai rakan perdagangan dan pertahanan New Zealand," kata "The Dominion" dalam laporan muka depannya.

Malaysia, menurut harian itu, yang mempunyai kadar pertumbuhan sebenar kira-kira lapan peratus setahun sejak sembilan tahun lepas, ialah pasaran ke-10 terbesar bagi New Zealand dan sumber terbesar pelajar luar negara. --

BERNAMA

AM CR NMO